

# PENYATA PENDEDAHAN PENDAPATAN

GLOBAL (Pertengahan-Tahun) 2009



MONA·VIE

Penyata Pendedahan Pendapatan mencerminkan peluang ganjaran MonaVie. Carta berikut mewakili perolehan global purata bagi pangkat Para Pengedar MonaVie di seluruh dunia dan menyediakan maklumat pendapatan mingguan purata, di samping purata tahunan.

Pangkat Pengedar Aktif	Bilangan Mingguan Purata bagi Pengedar Dibayar pada Pangkat Ini	% Pengedar Mingguan Purata	Pendapatan Mingguan (Dolar AS)			Cek Purata Tahunan	Purata Jam Kerja dalam Seminggu*
			Tinggi	Rendah	Cek Purata		
Pengedar	46,766	50%	\$699	\$0	\$23	\$1,214	4
Star	32,172	35%	\$880	\$0	\$35	\$1,817	6
Star 500	7,933	8%	\$815	\$50	\$76	\$3,947	6
Star 1000	3,267	4%	\$1,000	\$100	\$172	\$8,963	6
Bronze Executive	1,168	1%	\$1,000	\$200	\$357	\$18,572	7
Silver Executive	639	1%	\$1,500	\$300	\$564	\$29,310	8
Gold Executive	386	<1%	\$2,500	\$500	\$1,027	\$53,413	9
Ruby Executive	145	<1%	\$5,000	\$1,000	\$2,015	\$104,759	12
Emerald Executive	66	<1%	\$7,500	\$1,500	\$3,090	\$160,656	13
Diamond Executive	32	<1%	\$10,000	\$2,000	\$3,884	\$201,987	16
Blue Diamond Executive	76	<1%	\$20,000	\$2,500	\$7,481	\$388,986	20
Hawaiian Blue Diamond Executive	24	<1%	\$25,000	\$4,544	\$12,711	\$660,995	20
Black Diamond Executive	27	<1%	\$101,761	\$6,505	\$28,584	\$1,486,366	27
Royal Black Diamond Executive dan Lebih Tinggi	7	<1%	\$134,517	\$28,483	\$65,548	\$3,408,500	>40

Statistik pendapatan yang ditunjukkan di atas adalah untuk semua Pengedar MonaVie yang telah dibayar bonus dalam tempoh dari 4 Julai 2008 hingga 26 Jun 2009, pada pangkat di atas, tidak termasuk bonus kenaikan pangkat. "Pengedar" ditakrif sebagai mana-mana individu yang: (1) menyempurnakan Permohonan dan Perjanjian MonaVie; (2) telah menaja sekurang-kurangnya satu orang; (3) telah menerima sekurang-kurangnya satu bonus runcit; dan (4) telah aktif dalam mana-mana lapan minggu sebelum tempoh minggu (untuk mengetahui keperluan untuk disifatkan sebagai pengedar "aktif" dalam pasaran anda, rujuk dokumen Pelan Pampasan MonaVie yang khusus bagi pasaran anda). Ambil perhatian bahawa ini tidak termasuk pelanggan runcit, pelanggan yang diutamakan, peruncit (mereka yang telah menerima bon runcit sahaja), pra-pendaftar, pengedar yang tidak memperbaharui, dan pelanggan, peruncit atau pengedar yang perhubungan dengan MonaVie yang telah dibatalkan. Seorang individu yang telah menyempurnakan Permohonan dan Perjanjian Pengedar Babas MonaVie, tetapi belum menyempurnakan empat ciri yang diuraikan di atas, bukan Pengedar MonaVie. Orang tersebut hanyalah pelanggan borong. Jika, dan hanya apabila, kesemua empat ciri-ciri dipenuhi, barulah individu tersebut dipanggil Pengedar. Selaras dengan itu, status seseorang individu boleh, dan kadang-kadang sememangnya, bertukar sepanjang tahun tersebut. Misalnya, Mary mendaftar sebagai pelanggan pada bulan Februari. Pada bulan April, dia layak untuk menjadi Pengedar dan mengekalkan kelayakannya sepanjang bulan Mei. Pada bulan Jun, dia tidak aktif, dan dengan itu, statusnya adalah sebagai pelanggan. Pada bulan Julai, dia mula meruncit produk kepada beberapa pelanggan, dan dengan itu, menjadi peruncit (tetapi bukan Pengedar). Pada bulan Ogos, sekali lagi dia layak sebagai Pengedar tetapi gagal untuk kekal layak pada baki tahun tersebut. Untuk tujuan Penyata Pendedahan Pendapatan, Mary akan hanya disifatkan sebagai Pengedar dalam bulan April, Mei, dan Ogos. **Purata pendapatan tahunan bagi semua Pengedar sepanjang tempoh ini ialah \$2,918.22. Dari bulan Julai 2008 hingga Jun 2009, lebih kurang 87% individu yang menyempurnakan Permohonan dan Perjanjian Pengedar MonaVie, dan membuat sekurang-kurangnya satu pembelian dalam tempoh 12 bulan, disifatkan sebagai pelanggan borong.**

Pendapatan Pengedar dalam carta ini tidak semestinya mewakili pendapatan, jika ada, Pengedar MonaVie boleh atau akan memperoleh pendapatan melalui penyertaannya dalam Pelan Pampasan MonaVie. Kejayaan anda bergantung pada kemahiran, usaha kerja dan keadaan pasaran anda. MonaVie tidak menjamin sebarang paras pendapatan atau kejayaan bagi anda.

\* Angka ini diterbitkan daripada tinjauan sekitar 18,000 pengedar yang dilaksanakan oleh MonaVie melalui sistem pesanan dalam talian kami.  
Sem. 09-04-09

# PENYATA PENDEDAHAN PENDAPATAN

Etika korporat MonaVie memastikan kami bukan sahaja hanya melakukan apa yang diperlukan daripada sudut undang-undang, tetapi, mengendalikan amalan perniagaan terunggul. Untuk mencapai tujuan ini, kami telah membangunkan Penyata Pendedahan Pendapatan ("IDS"). IDS MonaVie direka untuk menyampaikan maklumat yang benar, tepat pada masanya dan komprehensif mengenai pendapatan yang diperoleh oleh Para Pengekar MonaVie. Untuk mencapai objektif ini, sesalinan IDS hendaklah diberi kepada semua pengekar prospektif.

Sesalinan IDS hendaklah dikemukakan kepada Pengekar prospektif (individu yang tidak menjadi satu pihak bagi Perjanjian Pengekar MonaVie semasa) pada masa Pelan Pampasan dikemukakan atau dibincangkan, atau sebarang jenis tuntutan pendapatan atau representasi perolehan dibuat.

Istilah "tuntutan pendapatan" dan/atau "representasi perolehan" (secara kolektif "tuntutan pendapatan") termasuk: (1) pernyataan pendapatan purata, (2) pernyataan perolehan bukan purata, (3) purata julat pendapatan, (4) testimonial pendapatan, (5) tuntutan gaya hidup, dan (6) tuntutan hipotesis. Contoh "pernyataan pendapatan bukan purata" termasuk, "Pengekar nombor satu kami memperoleh XXX dolar tahun lepas" atau "Pendapatan Black Diamond biasa kami sekitar XXX sebulan." Contoh "Penyata julat pendapatan" adalah "Pendapatan bulanan Blue Diamonds ialah dari serendah XXX hinggalah setinggi YYY."

Tuntutan pendapatan gaya hidup tipikal termasuk pernyataan (atau gambar) yang melibatkan rumah besar, kereta mewah, percutian eksotik, atau item lain yang mencadangkan atau menyifatkan kekayaan. Ia juga merangkumi rujukan kepada pencapaian impian seseorang, memiliki segala-galanya yang dikehendaki, dan diungkapkan dari segi "peluang" atau "kemungkinan" atau "kesempatan." Tuntutan seperti "Pendapatan MonaVie saya melampaui gaji saya selepas enam bulan saya mengendalikan perniagaan ini," atau "Perniagaan MonaVie kami telah

membolehkan isteri saya tinggal di rumah sebagai suri rumahtangga sepenuh masa" juga termasuk dalam skop tuntutan "gaya hidup".

Sebuah tuntutan pendapatan hipotesis wujud apabila anda cuba menjelaskan operasi Pelan Pampasan melalui contoh hipotesis. Andaian tertentu dibuat berkenaan: (1) bilangan pengekar yang ditaja, (2) bilangan pengekar baris bawah, (3) volum produk purata setiap pengekar, dan (4) jumlah volum organisasi. Membuat andaian ini melalui Pelan Pampasan menghasilkan angka pendapatan yang merangkumi tuntutan pendapatan.

Dalam sebarang mesyuarat bukan awam (cth., mesyuarat di rumah, satu dengan satu, tanpa mengira tempat) dengan pengekar prospektif yang membincangkan Pelan Pampasan atau apabila sebarang jenis tuntutan pendapatan dibuat, anda hendaklah memberi kepada prospek apabila sesalinan IDS. Dalam mana-mana mesyuarat yang terbuka kepada khalayak awam yang membincangkan Pelan Pampasan atau sebarang jenis tuntutan pendapatan dibuat, anda hendaklah memberi setiap pengekar prospektif sesalinan IDS dan anda hendaklah mempamerkan sekurang-kurangnya satu (papan poster 3 x 5 kaki) di hadapan bilik yang cukup hampir dengan penyampai. Dalam sebarang perjumpaan yang menggunakan sebarang jenis paparan video (cth., monitor, televisyen, projektor, dsb.) satu slaid IDS hendaklah dipaparkan secara berterusan sepanjang tempoh perbincangan Pelan Pampasan atau pembuatan sebarang tuntutan pendapatan ini.

Salinan IDS boleh dicetak atau dimuat turun tanpa caj daripada laman web korporat di [www.MonaVie.com/IDS](http://www.MonaVie.com/IDS).

Para Black Diamond yang membangunkan alat bantu jualan yang merangkumi Pelan Pampasan atau tuntutan pendapatan hendaklah memasukkan IDS ke dalam setiap alat bantu jualan sebelum diserahkan kepada Syarikat untuk disemak.